

Hizbut Tahrir

Mengapa Ia Perlu Ditolak

Sejarah Awal

Hizbut Tahrir (Parti Pembebasan) merupakan sebuah parti politik antarabangsa berideologi Islam yang bergerak dalam dakwah dan politik. Pergerakan ini diasaskan oleh Syeikh Taqiyuddin Nabhan (1909-1979 M), kelahiran Izim, Haifa, Palestin. Beliau merupakan seorang tokoh dan merupakan alumni al-Azhar, Mesir.

Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai guru dan hakim di Mahkamah Syariah di Palestin. Hizbut Tahrir menegaskan ia merupakan organisasi politik, bukan organisasi kerohanian, badan ilmiah, institusi pendidikan, dan bukan pula pertubuhan sosial.

Hizbut Tahrir mendakwa metodologi dakwah mereka adalah berdasarkan sirah Rasulullah SAW iaitu melalui tiga tahap berikut:

Tahap Pertama: Tahap Pembinaan dan Pengkaderan (Marhalah At-Tatsqif)

Dilaksanakan untuk membentuk kader-kader yang mempercayai pemikiran dan metod Hizbut Tahrir dalam kerangka tubuh parti.

Tahap Kedua: Berinteraksi dengan Umat (Marhalah Tafa'ul Ma'a Al-Ummah)

Dilaksanakan agar umat turut memikul kewajipan dakwah Islam hingga urut menjadikan Islam sebagai permasalahan utamanya, agar umat berjungun untuk mewujudkannya dalam realiti kehidupan.

Tahap Ketiga: Tahapan pengambil-alihan Kekekuanan (Marhalah Istilaam Al-Hukum)

Dilaksanakan untuk menerapkan Islam secara menyeluruh dan mengembangkan risalah Islam ke seluruh dunia. Hizbut Tahrir berpendapat, dalam tahap ketiga mereka harus meminta bantuan ketua negara, panglima tentera, pimpinan jama'ah, ketua suku, duta besar atau seumpamanya.

Pemikiran Bahaya

Konsep pemikiran yang dibawa oleh Hizbut Tahrir sedikit sebanyak mempunyai persamaan dengan kumpulan DAESH singkatkan bagi perkataan al-Dawla al-Islamiyah al-Iraq Wa al-Sham (Negara Islam Iraq dan Sham) atau dikenali juga dengan nama ISIS singkatkan bagi perkataan Islamic State of Iraq and Syria (Negara Islam Iraq dan Syria).

Kumpulan disebutkan ini mendakwa tentang pentingnya menegakkan khilafah. Namun dari sudut pelaksanaan mereka memiliki jalur dan cara yang berbeza dalam menegakkan sistem negara khilafah mereka sendiri.

Antara yang dibilang dalam mana-mana gerakan atau ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah wujudnya kelompok yang ekstrim dalam memastikan gerakan mereka mencapai matlamat yang diinginkan.

Ini kerana berdasarkan kepada dakwaha Hizbut Tahrir bahawa metodologi dakwah mereka adalah berdasarkan sirah Rasulullah SAW.



Namun begitu jika didalami kembali sirah Rasulullah SAW maka kita akan dapat bawaan kemuncak kepada pejuangan Nabi adalah jihad. Adakah jihad juga menjadi destinasi kemuncak kepada dakwah Hizbut Tahrir di Malaysia?

Keputusan Fatwa Selangor

Berdasarkan warta fatwa yang bertarikh 17 September 2015 Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa:

1. **Fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir** adalah berbincang-bincang dan menyelengarakan daripada ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah kerana mengandungi elemen-elemen seperti yang berikut:
 - a) Bahawa pemerintah, ahli parliment dan para ulama Islam kesemuanya kafir serta harus diperangi kerana menerima sistem kufr;
 - b) Bahawa negara-negara Islam semuanya negara kafir kerana berhukum dengan sistem kufur dan haram menyertai sistem kerajaan sekaran;
 - c) Menafakih istilah "al-Qadha' wa al-Qadar";
 - d) Berpegang kepada fahaman Qadrriyah;
 - e) Bahawa aqidah Siyasyiah lebih penting daripada aqidah ruliyyah;
 - f) Menolak sumber aqidah melalui hadith Ahad kerana boleh membawa kesesatan berdasarkan hadith Ahad itu dalil zanni sedangkan aqidah itu keyakinan; atau
 - g) Bahawa Nabi dan Rasul tidak maksum sebelum diangkat menjadi Nabi atau Rasul.
2. **Mana-mana orang Islam sama ada secara individu atau berkumpulan** adalah dilarang dan diharahkan untuk berpegang dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir termasuklah :-

- a) Menjadi ahli kumpulan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
- b) Berada di dalam majlis, perayaan atau sambutan kerianya yang boleh diiklankan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
- c) Mengisytiharkan diri sebagai ahli kumpulan Hizbut Tahrir melalui pengakuan bersumpah atau apa-apa kaedah lain;
- d) Berselindung di sebalik apa-apa aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian dan sebagainya melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat, yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
- e) Melalui pertubuhan, persatuan atau syarikat yang cuba menghidupkan kembali fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir sama ada melalui apa-apa rangkaim, atau mana-mana pertubuhan atau persatuan yang mempunyai unsur-unsur persamaan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
- f) Mengajar, mengajur, mengadakan, membantu menjayakan apa-pa perayaan, sambutan kerian atau majlis yang boleh diiklankan dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir;
- g) Memiliki, menyimpan, mencetak, menjual atau mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku, majalah atau apa-apa terbitan, risalah atau apa-apa dokument, atau menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir di mana-mana harta alih atau tak alih; atau
- h) Mengamalkan, menyebarkan dan mengembangkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir di Negeri Selangor.

3 Mana-mana orang Islam yang telah berba'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenar dan hendak segera bertaubat serta memohon keampunan kepada Allah S.W.T.

4 Apa-apa variasi, versi, bentuk atau cabang mana-mana ajaran, pegangan atau fahaman baru mempunyai persamaan dengan unsur-unsur fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir adalah disifatkan bercanggah dengan ajaran agama Islam yang sebenar.

5 Apa-apa jua bahan publisiti dan sebaran yang menonjolkan ajaran, pegangan atau fahaman mereka yang berpegang dengan fahaman dan ajaran Hizbut Tahrir atau apa-apa fahaman dan ajaran yang mempunyai persamaan denganannya dalam apa-jaut bantah penerbitan dan cetakan atau siaran dalam mana-mana laman sesawang, blog, facebook, twitter atau media sosial lain adalah diharamkan.

6 Mana-mana orang Islam yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Selangor.



Kesimpulan

Hizbut Tahrir merupakan sebuah kumpulan berideologi ekstrim dalam membawa pandangan serta pejuangan mereka, sikap melampaui kumpulan ini menyebabkan mereka menghukumkan kafir terhadap masayarakat Islam yang tidak menerima doktrin mereka dengan alasan redha dan tunduk di bawah sistem kafir.

Umat Islam di Malaysia khususnya di Negeri Selangor perlu menjauhi diri dari sebarang aktiviti yang mempunyai ciri-ciri yang telah disebutkan di atas serta menjauhi diri dari segala bentuk ajaran dan fahaman yang merugikan.

Segera laporkan segala aktiviti yang merugikan kepada Pihak Berkusa Agama bagi membendung penularan ajaran yang boleh merosakkan akidah, syariah serta ahlakul umat Islam.